



**PENDEBAT FSU** gembira membawa pulang piala pusingan Naib Canselor USIM, baru-baru ini.

# Usim tubuh Akademi Debat

Oleh Mohd Zaini Othman  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

**M**EMBINA pewaris legasi gemilang menjadi inti pati utama penganjuran Kejohanan Debat Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang memasuki edisi ketiga penganjurannya tahun ini.

Kejohanan yang dianjurkan Kelab Debat Usim dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim memperlihatkan penyertaan sebanyak 46 pasukan dalam tiga kategori yang dipertandingkan iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Kejohanan berlangsung pada 5 hingga 13 Mac lalu menjadikan Kompleks Fakulti Syariah dan Undang-undang Usim sebagai medan pendebat berbalas hujah.

Kejohanan Debat Piala Naib Canselor itu bermatlamat menjadi platform untuk mengasah kemahiran pengucapan awam dan meningkatkan keyakinan diri mahasiswa, di samping menjadi wadah terbaik untuk memilih pendebat pelapis universiti.

Pengerusi Kelab Debat, Abdul Qaiyum Musa, berkata sedikit kelainan ditampilkan bagi edisi kali ini iaitu dengan mewu-

judkan Akademi Debat bertujuan mendedahkan semua peserta kepada format dan taktikal perdebatan.

Selain itu, katanya, Kelab Debat juga mengambil inisiatif melantik mentor di kalangan pendebat Usim untuk setiap pasukan yang layak ke suku akhir bagi setiap kategori bagi membimbing mereka, sambil dibantu oleh pensyarah yang berpengalaman.

Penganjuran kali ini menyaksikan pasukan debat dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) menjuarai kategori Bahasa Melayu, manakala Kategori Bahasa Inggeris menjadi milik Pusat Tamhidi dan Bahasa Arab dimenangi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) pula terus mengekalkan keunggulan mempertahankan Piala Pusingan Naib Canselor untuk kali ketiga berturut-turut ke peringkat akhir dalam setiap kategori.

Setiap pemenang menerima piala pusingan dan lirikan serta sijil penghargaan yang disampaikan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Muhammad Muda pada majlis penutup pertandingan itu di kampus Usim Nilai, baru-baru ini.